



Ruj.Kami:( 13 )dlm.JKR.KPKR:020.050/03 Klt.6

Tarikh: 6 Januari 2005

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah Bekalan Air Negeri  
Semua Pengarah JKR Unit Khas  
Semua Pengarah JKR Pembangunan Persekutuan  
Semua Jurutera Daerah  
Semua Jurutera Daerah Bekalan Air

Tuan,

**Penggunaan dan Penetapan Harga 'Cut-off' Berdasarkan Kaedah Statistik Di Dalam Penilaian Dan Perakuan Tender – Pindaan Pertama**

Surat Pekeliling mengenai Penggunaan dan Penetapan Harga 'Cut-off' yang telah diedarkan melalui surat bil. ( 93 )dlm.JKR.KPKR:020.050/3 Klt. 5 bertarikh 24 Mac 2004 dan Penjelasan Tambahan Terhadap Kriteria Istimewa yang telah diedarkan melalui surat bil. ( 15 )dlm.JKR:UB.123/UTK.10.8 Kulit; 7 bertarikh 20 Mei 2004 adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan dalam keadaan pasaran masa kini yang sangat kompetitif, ramai pentender memasuki harga tender yang sangat rendah, ini dikhuatiri boleh menjejaskan pelaksanaan projek-projek. Bagi memastikan harga tender yang diperakukan/disetujuterima tidak terlalu rendah keputusan telah dibuat bahawa formula penetapan **Harga 'Cut-off'** iaitu '**Mean – 1.18\*Stdev**' dipinda kepada:-

'**(Mean – X%Mean)**' atau '**(Mean – Stdev)**' yang mana lebih tinggi, di mana **X%** adalah seperti berikut :-

- |    |                                   |   |                     |
|----|-----------------------------------|---|---------------------|
| a) | Bagi Kerja Bangunan               | - | <b>X adalah 15%</b> |
| b) | Bagi Kerja Kejuruteraan Awam      | - | <b>X adalah 17%</b> |
| c) | Bagi Kerja Mekanikal & Elektrikal | - | <b>X adalah 15%</b> |

Walau bagaimanapun bagi projek-projek yang berprestij tinggi yang mana harga yang tinggi dijangka lebih menjamin kelancaran pelaksanaan projek dan kualiti yang baik, Pengarah Cawangan/Negeri dibenarkan untuk mencadangkan pindaan terhadap formula penetapan **Harga 'Cut-off'** iaitu dengan mengurangkan nilai **X%** (contohnya '**Mean – 12%Mean**' atau '**Mean – 10%Mean**'). Cadangan ini hendaklah dibuat secara bertulis serta justifikasinya sebelum tender ditutup untuk kelulusan Ketua Pengarah Kerja Raya.

3. Lanjutan dari perubahan ini, pindaan juga perlu dibuat terhadap perkara berikut:-

### 3.1 Pakej Pengiraan Harga 'Cut-off'

Pakej pengiraan **Harga 'Cut-off'** berdasarkan formula di atas dengan menggunakan perisian '**Microsoft Excel**' telah di sediakan dan ianya boleh diperolehi dari **Urusetia Tender, Cawangan Kontrak & Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur** melalui e-mail. Pihak tuan dikehendaki mengunapakai pakej pengiraan ini untuk tujuan penentuan **Harga 'Cut-off'** di dalam Penilaian dan Perakuan Tender. Contoh pengiraan **Harga 'Cut-off'** melalui pakej ini adalah seperti di **Lampiran 2 dan 3**.

### 3.2 Tatacara Pengiraan Harga 'Cut-off'

Penetapan dan penentuan Had Rendah dan Had Tinggi melalui surat pekeliling terdahulu hendaklah dikeluarkan.

### 3.3 Kriteria Pertimbangan Tender

3.3.1 Pada dasarnya tender-tender yang lebih tinggi dari **Harga 'Cut-off'** layak dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan di setiap peringkat penilaian. Tender-tender yang lebih rendah dari **Harga 'Cut-off'** boleh juga di pertimbangkan sekiranya memenuhi syarat berikut:-

- a) Pentender memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan melalui surat-surat pekeliling yang dinyatakan di atas.
- b) Harga pentender (Kerja Pembina) hendaklah tidak lebih rendah dari ( - ) **20%** berbanding dari Harga **Mean** bagi Kerja Bangunan, Mekanikal dan Elektrikal dan tidak lebih rendah dari ( - ) **25%** bagi Kerja Kejuruteraan Awam. Kriteria harga pentender tidak kurang dari **0.75\* Anggaran Jabatan** tidak lagi disyaratkan.

3.3.2 Jika lebih dari satu pentender yang menawarkan tender yang lebih rendah dari **Harga 'Cut-off'** serta memenuhi syarat-syarat di atas, keutamaan perakuan adalah kepada pentender yang paling hampir dengan harga **Harga 'Cut-off'**.

### 3.4 Perbandingan Harga Tender

Perbandingan Harga Pentender (Kerja Pembina) hendaklah dibuat berbanding dengan Harga **Mean** (Kerja Pembina) **kecuali** bagi projek yang tidak menggunakan kaedah statistik di mana Harga Pentender hendaklah dibandingkan dengan **Anggaran Jabatan** (Kerja Pembina)

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa sertamerta serta di baca bersekali dengan kedua-dua surat pekeling yang dinyatakan di perenggan 1 di atas dan mengatasi mana-mana peraturan atau panduan sediaada di mana dan setakat mana terdapat percanggahan diantaranya.

Sekian, terima kasih

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA & CINTAILAH BAHASA KITA'**



**(TAN SRI DATO' Ir. HJ. ZAINI BIN OMAR)**  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Malaysia

- s.k. - Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya III
  - Urusetia ISO 9001:2000
  - Juruukur Bahan Negeri/Unit Khas

**CONTOH PENGIRAAN HARGA 'CUT-OFF'**

Contoh 1

Projek: Membina bangunan sekolah

Nilai WKP/PS:	RM120,000.00
Bilangan Tender:	20
Harga Mean(Kerja Pembina):	RM2,000,000.00
Stdev:	RM350.000.00
Harga Mean – 15%Mean:	RM1,700,000.00
Harga Mean – Stdev:	RM1,650,000.00
Harga Cut-off:	RM1,700,000.00 + RM120,000.00
	<b><u>RM1,820,000.00</u></b>

Contoh 2

Projek: Membina Jalan

Nilai WKP/PS:	RM120,000.00
Bilangan Tender:	40
Harga Mean(Kerja Pembina):	RM2,000,000.00
Stdev:	RM250.000.00
Harga Mean – 17%Mean:	RM1,660,000.00
Harga Mean – Stdev:	RM1,750,000.00
Harga Cut-off:	RM1,750,000.00 + RM120,000.00
	<b><u>RM1,870.000.00</u></b>